

## PENDEKATAN PELABURAN KAMI

**Teras kepada mandat kami adalah untuk melabur demi meraih faedah mampan buat rakyat Malaysia, mencapai keseimbangan antara pertumbuhan kewangan dan pengawasan yang bertanggungjawab untuk generasi akan datang.**

**Komitmen ini mendorong kami untuk meneruskan pelaburan komersial yang memelihara dan meningkatkan nilai jangka panjang aset kami serta menghasilkan pulangan ekonomi dan kemasyarakatan untuk negara.**

Bersandarkan matlamat ini, kami memberi tumpuan kepada usaha menjana pulangan kewangan yang mampan melalui program pelaburan kami sambil memanfaatkan peluang pengewangan apabila ia muncul. Kami juga melabur dalam bidang pertumbuhan baharu yang berpotensi meningkatkan daya saing negara. Justeru itu, pelaburan kami terdiri daripada ekuiti awam dan swasta di peringkat global sehinggalah kepada syarikat pemula yang diasaskan dalam negara.

Portfolio Pelaburan kami merangkumi pelaburan dengan jangkaan pulangan komersial, yang menyaksikan Peruntukan Aset Strategik (SAA) menjadi panduan bagi kami dalam menentukan peruntukan yang mengurangkan risiko penumpuan dan melindungi portfolio kami daripada kejutan pasaran jangka pendek. Dalam membina daya tahan portfolio, kami amat menyedari tentang landskap

makroekonomi yang bersifat dinamik serta pertembungan trend mega global, yang telah mencetuskan persekitaran pelaburan yang semakin tidak menentu. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah dana pelbagai generasi, kami kekal berdisiplin dalam menggerakkan modal kami secara komersial dengan tujuan untuk mengembangkan portfolio kami dalam jangka panjang. Pendekatan terhadap pelaburan jangka panjang ini membolehkan kami mengharungi ketidaktentuan pasaran jangka pendek dengan daya ketahanan.

Kami terlibat secara aktif dengan syarikat-syarikat pelaburan kami untuk memastikan mereka kekal fokus dalam menzahirkan nilai pemegang saham. Sebagai pemegang saham aktif merentasi semua pelaburan kami dalam pasaran modal Malaysia, kami bekerjasama dengan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan untuk mencipta nilai serta meneroka strategi dan usaha niaga baharu.

Komitmen kami untuk memaksimumkan pulangan melibatkan pengelakan risiko yang tidak wajar sambil mendukung amalan pelaburan yang bertanggungjawab merentas portfolio kami. Kemampanan kekal sebagai pemacu dan kriteria teras dalam membuat keputusan pelaburan. Dokumen Jangkaan Pemegang Saham dan Kepengurusan Pelaburan kami menggariskan jangkaan yang jelas untuk pengamalan ESG di syarikat pelaburan kami.



Baca lebih lanjut mengenai **Jangkaan Pemegang Saham dan Pengawasan Pelaburan** dalam Bab 5 pada halaman 78.

## PENDEKATAN PELABURAN KAMI

Pelaburan kami adalah berdasarkan struktur berikut:



### Portfolio Pelaburan

Portfolio antara generasi kami bermatlamat menjana pulangan terlaras risiko jangka panjang untuk memelihara dan mengembangkan nilai jangka panjang aset kami.



Baca lebih lanjut pada halaman 52 dalam laporan ini.



### Portfolio Dana Impak

Dana Impak bertujuan meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia dan membina daya tahan negara sambil menzahirkan impak sosioekonomi kepada rakyat Malaysia.



Baca lebih lanjut pada halaman 54 dalam laporan ini.



### Aset Pembangunan

Aset ini bertujuan menzahirkan impak ekonomi yang tinggi melalui pelaburan pembangunan jangka panjang. Aset-aset ini memerlukan tempoh gestasi yang lebih lama untuk merealisasikan pulangan kewangan yang disasarkan serta mencapai faedah dan hasil negara dan/atau kemasyarakatan.



Baca lebih lanjut pada halaman 58 dalam laporan ini.



### Aset Situasi Khas

Aset ini memerlukan pemulihan dalam keuntungan dan aliran tunai operasi yang mampan, dengan sasaran dan pelan tindakan khusus yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah setiap tahun.

Dengan memperuntukkan pelaburan secara strategik merentasi empat bidang ini, kami dapat mengimbangi matlamat kami dengan berkesan, iaitu untuk mencapai pulangan yang teguh dan konsisten serta tanggungjawab kami untuk menzahirkan nilai sosioekonomi jangka panjang buat rakyat Malaysia.